# Inovasi HAR-GO bantu laksana sistem urus keselamatan makanan

Oleh: Azman Zakaria

Foto: Noor Azreen Awang




SERDANG - Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membangunkan Papan HAR-GO (*HACCP Ready Go*), iaitu permainan papan HACCP berdasarkan permainan klasik monopoli, bagi pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan makanan.

HACCP atau Keselamatan Makanan Menurut Sistem Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal adalah alat sistem pengurusan keselamatan makanan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang direka untuk menilai dan mengawal bahaya supaya pengilang dapat membangunkan rancangan HACCP bagi menghasilkan produk makanan yang selamat.

Justeru, permainan papan HACCP akan menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh pemimpin pasukan HACCP untuk membangun dan melaksanakan rancangan HACCP dalam pengeluaran produk makanan.

Ketua kumpulan penyelidik itu, Prof. Madya Dr. Maimunah Sanny dari Jabatan Sains Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, berkata, HACCP adalah modul yang diajar secara formal di Institusi Pengajian Tinggi.

Katanya, inovasi itu merupakan alat bantuan pengajaran dan pembelajaran yang sangat berguna yang akan dapat membantu pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pengetahuan asas mereka dalam topik HACCP.

Terdapat 13 langkah yang diperlukan untuk membangunkan pelan HACCP, katanya sambil menjelaskan bahawa permainan papan itu direka untuk memastikan bahawa tujuh prinsip HACCP yang merupakan sebahagian daripada 13 langkah itu diperkenalkan dan digunakan dengan betul.

Beliau berkata, pendidik berdepan cabaran untuk mendapat perhatian pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

"Justeru, permainan papan seperti HAR-GO memperkenalkan pembaharuan ke dalam kurikulum yang menyeronokkan dan interaktif, serta sesuai digunakan sebagai bahan pembelajaran campuran (*Blended Learning*).

"Ia juga menggalakkan pembelajaran kendiri dalam memahami prinsip HACCP serta pembelajaran aktif melalui perbincangan dalam kumpulan," katanya.

Beliau berkata permainan papan HACCP direka bentuk bagi menilai pembelajaran di kalangan pelajar sains dan teknologi makanan secara formatif berikutan modul yang diajar dan sebelum penilaian sumatif dibuat.

Katanya, dalam permainan ini, pemain akan berperanan sebagai ketua pasukan HACCP dan bergerak mengelilingi papan permainan bagi membangunkan sistem pengurusan keselamatan makanan syarikat mereka bekerja.

LIHAT JUGA




Dua pelajar UPM terpilih untuk percalonan Anugerah Pengakap Dunia 2019 (/berita/dua_pelajar_upm_terpilih_untuk_percalonan_anugerah_pengakap_dunia_2019-50809)



Inovasi HAR-GO bantu laksana sistem urus keselamatan makanan (/berita/inovasi_har_go_bantu_laksana_sistem_urus_keselamatan_makanan-50805)



Penyelidik UPM buat pembentangan pada Forum Fakulti UC di Filipina (/berita/penyelidik_upm_buat_pembentangan_pada_forum_fakulti_uc_di_filipina-50803)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1565160469

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan



Jika pemain berhenti di mana-mana Peti Tindakan, mereka perlu mengambil satu kad yang menentukan tindakan mereka.

Kad tindakan memerlukan pemain merujuk kepada dokumen 'Pembangunan Rancangan HACCP' yang telah disediakan bagi satu siri produk makanan dan juga merujuk kepada dokumen Malaysia Standard MS 1480 2019 Keselamatan Makanan Menurut Sistem Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP).

"Dengan berbuat demikian, pelajar dapat melihat bagaimana keperluan Standard MS 1480 dapat dikaitkan dengan aplikasi praktikal dan dengan itu mereka dapat memahami konsep HACCP yang diperkenalkan kepada mereka semasa kuliah," katanya.

Papan HAR-GO itu pertama kalinya dipamerkan semasa pameran Hari Pendidik UPM 2018. Ia juga boleh digunakan dalam industri farmaseutikal dan kosmetik.

Selain beliau, ahli kumpulan lain yang membantu dalam pembangunan papan HAR-GO itu ialah Naziruddin Mat Ariffin, Dr Radhiah Sukri, Prof Dr Jinap Selamat, Nur Amalina Muhamad Darif, Nur Ezzaty Akmal Mohamad Razi, Siti Norazlina Shafiue, Huraiyah Shariruzi, Hazwani Malek, Hew Khai Shin, Kuek Su Lee, Farah Zahira Mohd Nadzri, Muhammad Azhar Hasanuddin, Muhd Zulfahmi Zuraimi, Siti Nur Syahirah Ahmad, Nor Amirah Roslan, dan Nur Amirah Ayob. - UPM

Tarikh Input: 02/08/2019 | Kemaskini: 02/08/2019 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Finovasi_har_go_bantu_laksana_sistem_urus_keselamatan_makanan-50805&title=Inovasi%20HAR-GO%20Bantu%20Laksana%20Sistem%20Urus%20Keselamatan%20Makanan%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)

(/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)

Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf)

(http://www.putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)

(https://play.google.com/store/apps/details?id=upm.mobile.v6) (http://www.pertanika.upm.edu.my)

(http://www.learninghub.upm.edu.my) (http://www.psasir.upm.edu.my/)

(https://smp.upm.edu.my) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

(http://eclaims.upm.edu.my/login/) (http://www.reg.upm.edu.my/eISO/)

(http://emel.upm.edu.my)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2019 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1565160469